

**JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN
YANG TIDAK HABIS DIJAWAB DALAM
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
DEWAN NEGERI YANG KESEBELAS PERAK DARUL RIDZUAN
PERSIDANGAN KEDUA PADA HARI RABU, 23 OGOS 2006**

JAWAPAN

13. Y.B. ENCIK GOOI SENG TEIK (BERCHAM)

SOALAN

Pada masa ini, banyak kejadian buruk berlaku melibatkan pembunuhan. Bilangan penyalahgunaan dadah terus bertambah.

Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah?

JAWAPAN

Kerajaan Negeri menerusi agensi yang berkenaan (Agensi Antidadah Kebangsaan – AADK) akan memperhebatkan strategi yang sedia ada bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman, kesedaran dan kemahiran melalui program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan untuk menyekat gejala-gejala yang tidak sihat.

Strategi pencegahan dilaksanakan menerusi pendekatan pencegahan awalan dan pencegahan umum. Pencegahan Awalan difokuskan kepada pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Manakala pencegahan umum ditumpukan kepada semua lapisan masyarakat seperti belia, ibubapa, pekerja dan masyarakat yang tinggal di tempat-tempat berisiko tinggi dengan mengadakan program seperti ceramah, seminar, forum, pameran, kempen-kempen jalanan dan sebagainya.

Kempen Hari Antidadah Antarabangsa Peringkat Negeri Perak telah dilancarkan pada 26 Jun 2006 bertempat di Kompleks Rakan Muda Kamunting dalam usaha kerajaan untuk mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak dalam usaha melahirkan generasi tanpa dadah.

Kerajaan Negeri melalui AADK telah menubuhkan dua buah pusat khidmat di Negeri Perak iaitu di Batu Gajah dan Teluk Intan. PKAADK merupakan sebuah tempat yang memberi perkhidmatan harian, penempatan sementara, khidmat nasihat dan rujukan kepada mereka yang memerlukan bantuan dan perkhidmatan. Kumpulan sasarannya ialah kes-kes yang memerlukan perkhidmatan, ibubapa dan keluarga penagih, agensi dan badan yang membantu memberi perkhidmatan sokongan.

Kerajaan telah mempergiatkan lagi usaha dengan membentuk sebuah jentera di peringkat negeri dan daerah yang dinamakan Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) untuk membanteras gejala dadah di peringkat akar umbi.

Di samping itu, AADK dengan kerjasama beberapa agensi yang lain telah menyediakan beberapa program untuk melibatkan remaja, belia, ibubapa, JKKK, PEMADAM, NGO's, FELDA dan lain-lain dalam usaha kerajaan yang ingin melihat Negeri Perak ini bebas dari dadah.

14. **Y.B. DATO' MOHD KHUSAIRI BIN ABDUL TALIB (SLIM)**

SOALAN

Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan perlombongan air bawah tanah di Kampung Poh, Bidor dalam Parlimen Tanjong Malim yang mampu menghasilkan sebanyak 1 bilion liter sehari sebagai sumber alternatif mengatasi masalah bekalan air, khususnya di Lembah Klang.

- (a) Adakah projek ini mampu menjadi sumber pendapatan baru kepada Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah premium yang boleh diperolehi setiap tahun?
- (b) Adakah wujud sebarang kesan sampingan daripada aktiviti perlombongan air bawah tanah seperti mendapan muka bumi dan pencemaran alam sekitar yang boleh menjejaskan keselamatan rakyat yang tinggal di sekitar kawasan perlombongan berkenaan?
- (c) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air ini dapat dibekalkan kepada Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan?

JAWAPAN

- (a) Projek perlombongan air bawah tanah ini masih dalam peringkat perancangan awal lagi. Terdapat banyak tindakan-tindakan susulan yang perlu dijalankan bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh itu kemampuan dan projek ini sebagai sumber pendapatan baru kepada Kerajaan Negeri bergantung kepada hasil kajian-kajian yang perlu dijalankan terlebih dahulu seperti:
 - (i) Kajian awalan berdasarkan kepada laporan terdahulu dari segi geologi kawasan, morfologi, kajian gambar udara dan sebagainya;
 - (ii) Pemetaan terperinci (*detail mapping*) terutama dalam mengenalpasti geologi dan kedudukan struktur geologi yang menjadi tempat simpanan air bawah tanah seperti sesar, kekar dan zon ricih yang lain akan dikenalpasti dengan lebih terperinci.
 - (iii) Kajian geofizik yang menggunakan kaedah seismic dan '2D-resistivity' perlu dijalankan bagi mengenalpasti kedudukan struktur geologi bawah permukaan seperti sesar dan struktur geologi yang lain.
 - (iv) Beberapa unit telaga-telaga eksplorasi (*exploration wells*) dan telaga pengeluaran (*production wells*) dalam batuan keras akan dibina bagi menentukan anggaran jumlah luaran air yang boleh diperolehi di kawasan berkenaan.
 - (v) Ujian pengepeman akan dijalankan bagi menentukan luahan sebenar dan keupayaan telaga-telaga tersebut.
 - (vi) Analisis kimia terhadap semua sampel air yang dikutip perlu dijalankan bagi memastikan kualiti air mengikut piawai WHO yang telah ditetapkan bagi tujuan domestik.

Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan dari telaga eksplorasi yang, telah dibina di Kg. Poh, kawasan ini berpotensi untuk dimajukan tetapi ia bergantung juga kepada keputusan dari tindakan-tindakan susulan yang disyorkan seperti di atas.

- (b) Aktiviti perlombongan Air Bawah Tanah di sini dijangkakan diambil dalam batuan keras granit atau batuan keras lain bukan batu kapur. Telaga-telaga tiub akan dibina dalam batuan tersebut dengan kedalaman beratus-ratus meter di bawah permukaan bumi. Lazimnya jika perlombongan Air Bawah Tanah dilakukan dalam batuan keras begini ianya tidak akan berlaku mendapan tanah atau mendapan muka bumi.

Pencemaran alam sekitar juga tidak akan berlaku kecuali sedikit sahaja terutama semasa dalam proses pengerudian dan pembinaan telaga-telaga tiub tersebut. Keadaan ini tidak akan menjejaskan keselamatan rakyat yang tinggal disekitar kawasan berkenaan.

- (c) Kajian ini disebut di 2(a) hendaklah dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan kawasan berkenaan samada berpotensi membekalkan air kepada Selangor dan Wilayah Persekutuan.

15. Y.B. DATO' R. GANESAN (SUNGKAI)

SOALAN

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tanah petani-petani yang menanam buah-buahan dan sayur-sayuran tanpa izin di kawasan Kuala Bikam, Bidor dan Sungkai.

JAWAPAN

Kerajaan Negeri sememangnya menyedari banyak tanah-tanah yang telah diterokai tanpa kebenarandengan pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan dan sayuran, bukan sahaja di Daerah Batang Padang bahkan di kawasan-kawasan lain di Negeri Perak. Malahan sesetengah peneroka ini telah mengusahakan tanah kerajaan selama berpuluh-puluh tahun lamanya. Kawasan-kawasan yang didapati sesuai mengikut perancangan pertanian akan dikekalkan sebagai kawasan pertanian. Bagi tujuan tersebut kerajaan menggalakkan pelupusan tanah berkenaan secara berkelompok khususnya melalui agensi-agensi seperti Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Persatuan-Persatuan Peladang Daerah dan seumpamanya. Memandangkan tanah kerajaan semakin berkurangan dan terhad sebarang pelupusan tanah perlu dibuat secara berhati-hati dan terancang termasuk kepada pengusaha-pengusaha haram tersebut. Ini bagi membolehkan pembangunan yang lebih seimbang dengan menyediakan penawaran tanah bagi maksud-maksud gunatanah lain yang lebih produktif dan mendatangkan faedah yang optimum kepada rakyat dan negeri seperti pembangunan kawasan perindustrian, perumahan dan sebagainya.

Bagi Daerah Batang Padang seperti Bidor, Sungkai dan Chenderiang amat berpotensi untuk dibangunkan bagi tujuan pembangunan selain pertanian memandangkan kedudukannya amat strategik yang berhampiran dengan pembangunan Lembah Kelang dan mempunyai rangkaian pengangkutan yang baik seperti lebuh raya dan Landasan Berkembar Ipoh-Rawang. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mengkaji dengan teliti cadangan melupuskan tanah di kawasan ini kepada pengusaha-pengusaha terbabit.

16. Y.B. ENCIK SU KEONG SIONG (PASIR PINJI)

SOALAN

Stadium Velodrom Rakyat telah siap diubahsuai baru-baru ini dan satu acara sukan bertaraf antarabangsa telah diadakan.

- (a) Berapakah kos sebenarnya untuk kerja-kerja ubahsuai tersebut?
- (b) Kenapakah lantai papan Stadium Veldrom Rakyat tersebut tidak dilicinkan/dihaluskan sehingga menyebabkan kecederaan kepada para-para peserta ASIA Cup baru-baru ini ?
- (c) Kenapakah pengubahsuaian tersebut tidak termasuk penutupan bumbung Stadium Velodrom Rakyat tersebut ?

JAWAPAN

- (a) Kos sebenar RM1,476,457.66 di mana peruntukan RM1.0 juta dari Kerajaan Negeri dan bakinya dari Persatuan Lumba Basikal Perak.
- (b) Keseluruhan lantai papan Stadium Veldrom Rakyat sebenarnya telah dilicinkan dengan menggunakan alat pengetam. Semakan dan pengesahan telah dilakukan bersama pihak Persatuan Lumba Basikal Perak sebelum stadium tersebut digunakan. Faktor terdedah terus kepada cuaca juga boleh menjejaskan kualiti permukaannya.
- (c) Pengubahsuaian tidak termasuk mengadakan bumbung atau penutup kerana tidak cukup peruntukan.

17. Y.B. ENCIK CHAN CHIN CHEE (SIMPANG PULAI)

SOALAN

Menaiktaraf Sekitaran Kawasan Pelancongan Nam Thiem Thong Dan Sam Poh Tong

Kawasan Pelancongan Nam Thiem Thong dan Sam Poh Tong telah diiktirafkan sebagai salah satu tempat pelancongan di Negeri Perak oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Malangnya terdapat jalan masuk ke kawasan itu terlampau buruk dan berlopak-lopak, juga sering dilanda banjir kilat. Keadaan kelihatan lagi teruk pada waktu malam kerana kegelapan akibat kekurangan lampu jalan.

Soalan saya adalah:

- (a) Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi atau meningkatkan keadaan yang kekurangan itu ?
- (b) Memandangkan kemajuan di tempat pelancongan tersebut yang kini makin berkembang dengan pesat dan di kunjungi ramai termasuklah pengunjung pengunjung asing. Apakah program yang telah dirancangan oleh Kerajaan Negeri untuk menolong atau meningkatkan industri pelancongan di kawasan itu?

- (c) Pada musim kemuncak, lagi ramai pengunjung pengunjung dari negeri negeri jiran datang ketempat itu dan selalunya menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta khasnya untuk kenderaan bas. Apakah Kerajaan Negeri akan bertindak untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN

- a) (b) dan (c)

Kerajaan Negeri pada dasarnya sentiasa berusaha untuk memperbanyakkan dan meningkatkan kawasan-kawasan pelancongan di Negeri Perak. Pembangunan kawasan-kawasan tersebut tidak sahaja dibangunkan dan dimajukan Kerajaan Negeri, malah ianya juga dibangunkan oleh pihak swasta/organisasi persatuan. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha-usaha pihak-pihak yang terbabit dan turut mengambil peluang untuk mempromosi dan memberi publisiti yang meluas tempat-tempat pelancongan di Negeri Perak. Ini pasti memberi kesan kepada jumlah kehadiran pelancong-pelancong.

Dengan kehadiran pelancong-pelancong yang ramai dari dalam dan luar negara ianya sudah pasti akan dapat menambah dan meningkatkan pendapatan pusat-pusat pelancongan tersebut. Melalui promosi jualan produk-produk tempatan yang unik dan bermutu, hasil tersebut pasti dapat membantumemperbaiki kemudahan sedia ada.

Bagi tempat letak bas yang tidak mencukupi, pihak pengurusan dicadangkan melantik pengawal letak kenderaan agar kenderaan dapat disusun dan diletakkan di kawasan yang sesuai dan selamat.

Negeri Perak khususnya di bandaraya Ipoh terkenal dengan keindahan semulajadi gua batu kapur. Gua-gua batu kapur seperti Perak Tong, Sam Poh Toh, Kek Lok Tong, Nam Thiem Tong adalah antara gua yang begitu terkenal di kawasan bandaraya ini. Dalam usaha mempergiatkan lagi pelancongan di Negeri Perak Kerajaan Negeri sentiasa membuat perancangan dengan memberi promosi dan publisiti gua-gua batu kapur ini di kalangan pelancong dari dalam dan luar negara sama ada melalui penglibatan pameran antarabangsa atau kebangsaan, media massa, penganjuran program(dengan izin) *familiarization tour* dan lain-lain.

18. Y.B. ENCIK NG CHII FA (AULONG)

SOALAN

Kebanyakan aduan telah diterima, terutama di PKNP dan Majlis Perbandaran Taiping bahawapegawai yang memegang jawatan "*Second In Command*" kurang peka pada permintaan orang ramai dan tidak sensitif pada "*criticism*" orang ramai. Mereka ini telah diberi nama gelaran "*Little Napoleon*" yang selalunya tidak bekerjasama dengan wakil rakyat dan menyebabkan sistem penghantaran kerajaan "*break-down*". Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN

Kerajaan Negeri sedar berlaku kes-kes terpencil yang membabitkan aduan mengenai pegawai yang memegang jawatan "*Second in Command*" kurang peka kepada permintaan orang ramai dan tidak sensitif pada '*criticism*' orang ramai.

Namun begitu dalam kes aduan yang membabitkan PKNP dan Majlis Perbandaran Taiping ia perlu dihalusi secara terperinci mengenai apa masalah sebenar yang dibangkitkan sama ada berkaitan permohonan yang lambat, masalah kawasan perumahan dan sebagainya. Aduan yang dibuat tidak jelas dan spesifik. Ia lebih merupakan aduan umum dan sukar diambil tindakan secara spesifik.

Namun begitu Kerajaan Negeri telah meminta kedua-dua agensi malah di jabatan-jabatan kerajaan yang lain supaya memberi perkhidmatan yang terbaik bagi semua urusan yang membabitkan agensi masing-masing. Pegawai-pegawai diminta bersikap terbuka dan proaktif terhadap segala aduan yang diterima. Semua aduan perlu diberi tindakan serta merta. Hubungan dua hala yang harmoni perlu diwujudkan di antara agensi dengan pelanggan supaya tiada berlaku 'breakdown'.

19. Y.B. DATO' HAJI NADZRI BIN HAJI ISMAIL (MANJOI)

SOALAN

Sejauh manakah pencapaian ekonomi negeri dari segi kutipan hasil dan perbelanjaan pembangunan.

Adakah ianya mengikut unjuran dan perancangan yang ditetapkan. Jika tidak, kenapa?

JAWAPAN

Sehingga 31 Julai 2006, kutipan hasil negeri berjumlah RM337.58 juta iaitu 68.35% daripada anggaran RM493.88 untuk tahun 2006. Kutipan ini menunjukkan peningkatan berjumlah RM57.99juta berbanding kutipan untuk tempoh yang sama pada tahun 2005.

Perbelanjaan untuk Maksud Pembangunan pula sehingga 31 Julai 2006 berjumlah RM40.56 juta iaitu 18.94% daripada anggaran RM214.15 juta.

Kutipan hasil menepati unjuran sementara perbelanjaan pembangunan agak rendah kerana beberapaprojek besar masih di peringkat awal pelaksanaan. Di samping itu Projek Pembangunan Kuarters di Sungai Senam dengan anggaran RM15.0 juta untuk tahun ini telah dibatalkan. Kerajaan sedang mengkaji semula pembangunan kawasan tersebut.

20. Y.B. ENCIK NGA KOR MING (PANTAI REMIS)

SOALAN

Masalah Projek Menaiktaraf Lebuhraya Ipoh-Lumut

Kerajaan telah meluluskan peruntukan 194 juta kepada syarikat MRCB untuk menjalankan projek menaiktaraf dan melebarkan Lebuhraya Ipoh-Lumut sepanjang jarak 52 km tetapi kerja-kerja tersebut banyak mendatangkan kesulitan kepada penduduk-penduduk tempatan khususnya pengorekan lubang-lubang besar yang bertakung air di tepi jalan, oleh itu sila nyatakan:

(a) Apakah sebab-sebab projek tersebut diberikan kepada syarikat MRCB dan sekutunya dan bukan pihak lain?

(b) Bilakah projek-projek tersebut dapat disempurnakan?

- (c) Apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi pembinaan longkang yang bertentangan dengan arah aliran air berdekatan dengan Kampung Baru Ayer Tawar?

JAWAPAN

- (a) Keputusan pemilihan kontrak dibuat oleh Lembaga Perolehan Kementerian Kewangan Malaysia.
- (b) Projek ini dijangka siap pada 30 November 2007.
- (c) Tindakan pembetulan sedang diambil oleh kontraktor. Aliran air longkang akan disalurkan ke arah kelubung menghala Pekan Air Tawar. Air longkang dari Kampung Baru Ayer Tawar tidak akan bertakung dan dapat dibuang melalui saluran baru ini.

21. Y.B. ENCIK CHEN FOOK CHYE (KERANJI)

SOALAN

- (a) Berapakah kos perbelanjaan akan digunakan untuk menyelesaikan masalah banjir di Bandar Kampar terutamanya di hujung jalan Gopeng yang telah wujud berpuluh-puluh tahun
- (b) Berkaitan soalan (a), adakah Kerajaan Tempatan dapat peruntukan dari Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat? Jika ada, berapakahnya?

JAWAPAN

- (a) Masalah banjir sentiasa diambil perhatian oleh Majlis Daerah dari semasa ke semasa. Pada tahun 2006, Majlis telah menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM120,000.00 untuk menaiktaraf longkang dalam Bandar Kampar khususnya di Jalan Gopeng bagi menangani masalah banjir tersebut. Kerja menaiktaraf longkang akan dilaksanakan dari masa ke semasa bergantung kepada peruntukan-peruntukan yang ada.
- (b) Pihak Majlis ada menerima peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

22. Y.B. DATO' CHEW WAI KHOON (TEBING TINGGI)

SOALAN

Walaupun Kerajaan Negeri telah giat berusaha untuk merangsangkan ekonomi Negeri Perak, tetapi keadaan ekonomi Negeri Perak masih kelihatan lembab. Peluang pekerjaan kepada golongan muda masih tidak mencukupi. Ramai golongan muda menuju ke bahagian selatan misalnya Johor dan Singapura untuk mencari rezeki .

- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengatasi masalah ini
- (b) Apa rancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan ekonomi negeri lagi?

JAWAPAN

(a) Kerajaan Negeri Perak sentiasa berusaha merangsangkan ekonomi Negeri Perak, terutamanya bagi memberi peluang pekerjaan kepada golongan muda. Kerajaan Negeri bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak merancang pelbagai program seperti berikut :-

(i) **Program Pembangunan Kemahiran**

Program ini bertujuan melatih belia dalam pelbagai bidang kemahiran bagi menyediakan tenaga kerja mahir dan separa mahir serta melahirkan *tekno prenur* muda yang berdaya saing.

Pendekatan program latihan kemahiran diadakan di Institusi Latihan Kemahiran seperti di Institusi Kemahiran Belia Negara dan juga Program Latihan secara tidak formal (hujung minggu) di beberapa Daerah yang dipilih.

(ii) **Program Pembangunan Usahawan**

Program Program ini bertujuan untuk melahirkan Usahawan Belia dengan menggalakkan penyertaan dalam bidang perniagaan dan keusahawan sebagai persiapan kearah mewujudkan lebih ramai usahawan dalam jangka masa panjang serta menggalak dan mewujudkan usahawan tani terutama dalam bidang pertanian, penternakan, perikanan dan pemprosesan hasil tani melalui pendekatan konsep bersepadu dalam mewujudkan pasaran barangan tempatan.

Pengurus Latihan Keusahawanan diadakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan juga Institut Keusahawanan Belia Negara Ipoh. Di antara program Latihan Keusahawanan yang diadakan seperti Kursus Asas Keusahawanan, Seminar Peluang Perniagaan Tani dan juga Seminar Kerjaya Keusahawanan. Pada tahun 2005 seramai 911 orang telah mengikuti Program Latihan Keusahawanan, yang dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak.

Pada tahun ini kerajaan telah membuka semula Skim Pinjaman Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bagi menyediakan peluang pinjaman kepada Usahawan-usahawan Belia untuk menjalankan perniagaan sendiri.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak telah dan terus menjalankan aktiviti memberi nasihat dan ceramah-ceramah berbentuk pendidikan dan ceramah kerjaya kepada belia dan lepasan sekolah. Oleh kerana peluang pekerjaan agak terhad di Negeri Perak maka belia diseru supaya mencipta kerjaya mereka sendiri menjadi usahawan dan memberi dorongan supaya belia menambah ilmu dan kemahiran diri dengan memasuki pusat-pusat latihan sedia ada.

Untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan menambah kemahiran, mereka boleh mendapatkan pinjaman dari tabung Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

(b) Usaha-usaha memajukan ekonomi negeri merupakan satu usaha yang berterusan oleh Kerajaan Negeri. Usaha-usaha penggalakkan dan pembangunan sub-sektor baru pembuatan, perkhidmatan dan pertanian

merupakan salah satu komitmen Kerajaan Negeri dalam memajukan lagi ekonomi negeri. Secara umumnya, usaha-usaha yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memajukan lagi ekonomi adalah seperti berikut:-

- (i) Menyertai misi-misi pelaburan dan membuat promosi yang lebih agresif kepada pelabur-pelabur yang berpotensi untuk melabur di negeri ini. Melalui pelaburan-pelaburan asing sama ada pelaburan baru atau pembesaran pelaburan, kesan pengganda ekonomi dapat dimanfaatkan oleh pelbagai sektor perkhidmatan, pembuatan dan sebagainya.
- (ii) Meningkatkan perogram dan latihan semula untuk majikan dan pekerja melalui institusi latihan seperti Pusat Latihan Kemahiran dan Usahawan (PECDS) serta Institut Latihan Perindustrian (ILP). Latihan-latihan seperti ini adalah perlu untuk bagi meningkatkan mobiliti dan instensif pengetahuan dan nilai ditambah yang tinggi.
- (iii) Menggalakkan pembangunan enterpris kecil dan sederhana yang merupakan salah satu peneraju dalam pembangunan ekonomi sesebuah negeri. Kemudahan prasaran untuk enterpris kecil dan sederhana ini sama ada dalam bidang pertanian, perkhidmatan, katering, peruncitan, asas perkayuan dan sebagainya akan sentiasa dipertimbangkan. Langkah ini diambil kerana Kerajaan Negeri sedar sebahagian rakyat negeri terlibat dalam enterpris kecil dan sederhana ini.
- (iv) Menambah baik persekitaran perniagaan melalui pening-katan kecekapan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Penambahbaikan sistem akan dilaksanakan melalui pengurangan tekanan birokrasi, pembaharuan pentadbiran di peringkat negeri dan daerah serta Kerajaan Tempatan di samping pelaburan dan penggunaan ICT yang lebih meluas dalam operasi harian.
- (v) Bagi tujuan pembangunan industri-industri diluar bandar, Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti beberapa bidang perniagaan yang boleh diceburi oleh penduduk luar bandar melalui konsep 'Satu Produk, Satu Kampung' berkenaan seperti pengilangan berasaskan logam, bahan-bahan binaan, kejuruteraan, perabot, barang-barang keluaran seramik dan lain-lain lagi.

Kerajaan amat berharap agar segala komitmen ini akan disambut secara positif oleh rakyat dengan menceduk peluang-peluang ekonomi yang terwujud.

23. Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM (SITIAWAN)

SOALAN

Adakah projek petro-kimia dan kilang penapisan minyak kerja-sama di antara Malaysian China Petroleum Corp Sdn Bhd (MCPC) dan Konsortium China yang merangkumi China International New Energy Petroleum Group Co. Ltd (CINEP) dan Empire Global Corp yang dicadangkan di Daerah Manjung bernilai US\$6.0 bilion akan dijalankan?

Jika ya, bilakah projek ini akan bermula dan dimanakah tapak pembinaan projek tersebut?

JAWAPAN

Memang benar Kerajaan Negeri telah menerima permohonan pelaburan untuk pembinaan projek petro-kimia dan kilang penapisan minyak kerjasama diantara

Malaysia China Petroleum Corp Sdn Bhd (MCPC) dan Konsortium China yang merangkumi China International New Energy Petroleum Group Co Ltd (CINEP) dan Empire Global Corp yang dicadangkan di Daerah Manjung bernilai US\$6.0 bilion.

Walau bagaimanapun, Cadangan projek yang besar seperti ini memerlukan penelitian di kedua-dua belah pihak iaitu pihak pelabur dan juga di pihak Kerajaan Negeri. Cadangan daripada pelabur China adalah salah satu usaha mereka untuk mendapatkan bekalan minyak dan petro-kimia bagi keperluan perindustrian di negara tersebut di mana bekalannya didatangkan dari Timur Tengah. Pemilihan penempatan ini di negeri Perak adalah salah satu daripada beberapa alternatif yang sedang dikaji oleh pihak berkenaan. Dua faktor utama yang menjadikan Perak ebagai destinasi adalah kedudukan Pantai Segari di Selat Melaka yang dilindungi oleh Pulau Sumatera dan kestabilan politik serta isu-isu teknikal yang bersesuaian dengan penempatan projek berkenaan. Dalam hubungan ini terdapat pelabur-pelabur dari Malaysia yang bersedia menjalankan usahasama dengan pihak pelabur dari negeri China dan Kerajaan Negeri Perak mengalu-alukan minat dan hasrat pelabur berkenaan.

Kerajaan negeri telahpun mengenalpasti kawasan seluas 1,500 ekar di Segari, Daerah Manjung bagi tujuan tersebut. Kajian sedang di buat oleh pihak pelabur berhubung dengan kesesuaian tapak yang dicadangkan memandangkan terdapat keperluan teknikal termasuk kedalaman pantai di Segari untuk menerima kapal tangki "capesize" berlabuh dan seterusnya mengendalikan kargo yang diperlukan oleh kilang berkenaan.

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri turut mengkaji dari segi aspek kawalan alam sekitar. Sementara Kerajaan Negeri mengalu-alukan kehadiran pelabur-pelabur berkenaan, Kerajaan Negeri perlu juga meneliti kesan alam sekitar bukan saja dari aspek pencemaran malah dari segi impak sosial. Walaupun begitu Kerajaan Negeri akan terus memberi sokongan dan perhatian terhadap penempatan projek ini di negeri Perak.

24. Y.B. DATO' LEE KON YIN (TRONOH)

SOALAN

Masalah sosial di kalangan pelajar semakin meruncing, para pelajar terdedah kepada gejala tidak bermoral, sekiranya mengunjungi kafe-kafe siber di bandaraya yang sedia ada.

Minta Y.A.B. Menteri Besar menjelaskan:

Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah berkenaan?

JAWAPAN

Masalah sosial di kalangan pelajar seringkali diperkatakan oleh semua pihak samada oleh orang ramai, media massa, malah di peringkat pemimpin tertinggi negara dan isu ini seringkali dikaitkan dengan jenayah yang dilakukan oleh pelajar.

Dalam hal ini, kewujudan kafe siber di bandaraya bukanlah satu faktor utama yang mendorong ke arah pelajar-pelajar terdedah kepada gejala tidak bermoral. Jika kita bandingkan jumlah pelajar dengan kes-kes tidak bermoral ini, kita dapati ianya

merupakan kes terpinggir dan melibatkan bilangan yang kecil berbanding seramai 498 584 orang murid sekolah di negeri ini.

Oleh itu, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pelajaran Perak untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut;

- (i) Memantapkan pengurusan sahsiah dan disiplin murid di peringkat sekolah dengan memberi taklimat pengurusan disiplin murid kepada Penolong Kanan HEM dan Guru Disiplin.
- (ii) Melaksanakan pemantauan pelaksanaan disiplin murid di sekolah.
- (iii) Memastikan program pencegahan salah laku berat di kalangan murid-murid diberi keutamaan seperti program pemuafakatan dengan pihak polis.
- (iv) Melaksanakan program yang bertujuan untuk menanamkan semangat patriotisme di kalangan murid-murid di samping mengadakan kursus jati diri di kalangan mereka.

25. Y.B. DATO' K.R.A. NAIDU (BEHRANG)

SOALAN

Bioteknologi merupakan enjin pemangkin baru ekonomi Malaysia dalam bidang seperti pertanian, industri, bioinformatik dan kesihatan.

- (a) Apakah program utama Kerajaan Negeri Perak untuk memperoleh manfaat yang lumayan melalui bioteknologi supaya pembangunan negeri terus terjamin untuk masa depan.

JAWAPAN

Sememangnya Kerajaan Negeri sedar akan kepentingan bioteknologi sebagai satu sumber baru dalam pertumbuhan ekonomi. Oleh kerana itu, kerjasama dengan pihak Universiti Sains Malaysia telahpun diadakan untuk melaksanakan program bioteknologi di Negeri ini dengan bertemakan (dengan izin) "*Perak as the National Hub for Aquaculture Biotechnology: Establishment and Development Programme*". Program ini menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia berjumlah RM1 juta. Program ini khusus untuk kajian akuakultur yang dapat digunakan untuk tujuan penternakan ikan air awar secara meluas di negeri ini.

Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan seluas 4,300 ekar di Malim Nawar sebagai tapak biovalley. Projek perintis yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri akan mewujudkan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Akuakultur Air Tawar yang akan mendapat faedah dari kajian-kajian yang dilaksanakan oleh USM itu. Kerajaan juga menggalakkan pelaburan daripada syarikat-syarikat swasta dalam bidang ini seperti yang dilaksanakan di Pangkor oleh Syarikat Global Hi-Q. Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam tisukultur yang dilaksanakan oleh United Plantations dan Golden Hope.

26. Y.B. TUAN HAJI MOHD TARMIZI BIN HAJI IDRIS (KENERING)

SOALAN

Berapakah jumlah peruntukan pembangunan kawasan luar bandar yang diperuntukkan kepada Daerah Hulu Perak dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)?

JAWAPAN

Jumlah peruntukan pembangunan kawasan luar bandar yang diperuntukkan kepada Daerah Hulu Perak di bawah senarai 10 digit Rancangan Malaysia Ke-9 adalah sebanyak RM19.9 juta. Jumlah tersebut dijangka akan meningkat lagi apabila senarai keseluruhan projek-projek RMK 9 sehingga 14 digit diperolehi.

27. Y.B. PUAN HEE YIT FOONG (JELAPANG)

SOALAN

- (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar dan bercadang menaik taraf Jalan Falim hingga ke Lahat dalam Rancangan Malaysia Ke-9?
- (b) Jika ada, nyatakan kos anggaran dan jangka masa yang akan diambil.
- (c) Jika tiada, sila nyatakan sebab-sebab.

JAWAPAN

(a) Kerajaan Negeri sedar dan bercadang untuk menaiktaraf Jalan Falim hingga ke Lahat dalam Rancangan Malaysia Ke 9 dan ianya akan dilaksanakan sekiranya permohonan peruntukan diluluskan.

(b) & c)

Kos pembinaan dan menaiktaraf jalan berkenaan adalah dianggarkan RM 25 juta dan tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan projek ini adalah dijangka selama 36 bulan (tidak termasuk tempoh masa urusan pengambilan balik tanah).

28. Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN (TEMENGGOR)

SOALAN

Berapakah jumlah peruntukan dalam bidang pertanian yang diluluskan bagi Daerah Hulu Perak dalam RMK 9 mengikut sektor dan subsektor.

JAWAPAN

Pihak kerajaan, melalui Jabatan Pertanian telah menerima peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tempoh RMK 9, bagi membangunkan sub sektor tanaman makanan, Industri Asas Tani [IAT] & juga aktiviti perkhidmatan pengembangan. Peruntukan pembangunan sub sektor tanaman makanan bagi setiap daerah-daerah secara khususnya, tidak dapat ditentukan kerana sebarang permohonan peruntukan akan disaring secara tahunan oleh Pejabat Kewangan Negeri. Ekoran daripada itu amaun yang akan diterima bagi setiap daerah bergantung kepada bilangan dan kualiti projek pertanian yang dirancang di peringkat daerah.

29. Y.B. KAPT (B) TUAN HAJI MOHD. NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

SOALAN

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan untuk diberikan kepada Imam-imam termasuk di Negeri Perak. Selama ini Kerajaan Negeri telah memberi elaun khas kepada Imam-imam di negeri ini.

Soalannya, tidakkah Kerajaan Negeri bercadang elaun-elaun yang selama ini diberi kepada Imam itu ditukar dan diberi kepada Bilal-bilal dan Siak-siak yang juga berperanan mengawal selia masjid yang selama ini tidak mendapat elaun yang setimpal dengan tugas mereka.

JAWAPAN

Pada masa ini Elaun Imam telah dibayar sebanyak RM 450.00 sebulan oleh Kerajaan Persekutuan. Wang peruntukan elaun bagi Imam yang diberi oleh Kerajaan Negeri Perak sebelum ini, akan dipertimbangkan untuk dibayar kepada Bilal dan Siak di dalam negeri ini.

30. Y.B. ENCIK KEONG MENG SING (MENGELEMBU)

SOALAN

- (a) Setelah batal program “*Centralize Pig Farming*” di Kuala Bikam, adakah kerajaan cadangan mengadakan rancangan tersebut di kawasan lain dalam Negeri Perak?
- (b) Kerajaan hanya memberi penekanan ke atas pembangunan komoditi lembu dan kerbau, apakah program untuk memperbangunkan komoditi khinzir di Negeri Perak?
- (c) Untuk kepentingan pengguna, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal harga daging khinzir?

JAWAPAN

- (a) Tiada. Kerajaan Negeri Perak tidak bercadang membangunkan “Centralized Pig Farming Area” di kawasan lain di Negeri Perak. Konsep pembangunan khinzir in-situ akan dilaksanakan. Ladang-ladang khinzir sedia ada diwajibkan mengamalkan amalan perladangan moden yang menitikberatkan kawalan dan pengurusan sisa kumbahan dan biosekuriti.
- (b) Tidak benar. Penekanan juga diberi kepada komoditi kambing, rusa, ayam, itik dan khinzir. Walau bagaimanapun, disebabkan komoditi khinzir telah mencapai tahap sara diri dan 'private driven' tumpuan kerajaan adalah tertumpu kepada aspek memberikan khidmat nasihat dalam amalan perladangan dan pengurusan sisa kumbahan yang baik supaya industri khinzir setiasa mesra alam.
- (c) Kawalan harga daging khinzir adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Daging khinzir tidak termasuk dalam bahan kawalan. Oleh hal yang demikian, harga daging khinzir tempatan ditentukan oleh permintaan dan penawaran semasa.

31. Y.B. ENCIK NGEH KOO HAM (SITIAWAN)

SOALAN

Menanya Y.A.B. Menteri Besar

- (a) Sehingga hari ini berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran (dulu Daerah) Hilir Perak untuk membangunkan Kelab Golf Diamond Bay?
- (b) Berapakah jumlah keahliannya sekarang, dan
- (c) Apakah keadaan kewangan terkini Kelab Golf tersebut?

JAWAPAN

- (a) Kerajaan Negeri telah memberi sumbangan bagi membangunkan Padang Golf dan Kelab Golf Diamond Bay sebanyak RM6.5 juta manakala tiada perbelanjaan dilakukan oleh MPTI.
- (b) Jumlah ahli yang berdaftar dengan Kelab Golf Diamond Bay sehingga 31 Mei 2005 adalah 527 orang dan Kelab ini telah dibubarkan oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan pada 21 Ogos 2001.
- (c) Kedudukan kewangan Kelab Golf tidak memuaskan. Purata Pendapatan bulanan dianggarkan sebanyak RM7,000 sebulan manakala Perbelanjaan dianggarkan RM20,000 sebulan. Tabung Amanah padang Golf mengalami defisit dan MPTI menampung kekurangan tersebut. Baki wang dibank sehingga 30 Jun 2006 adalah RM62,821.69.